

SALWANI MD ZAIN salwani@sinarharian.com.my Foto: Persatuan Matahari

Persatuan MATAHARI aktif tabur bakti



Meriah... bersama tetamu jemputan sempena jamuan petang bertujuan menjalinkan kemesraan antara ahli.



Profesor Madya Dr Mimi Sakinah Abdul Munaim



Penasihat Persatuan Matahari, Datin Fazia Ali (tiga, kanan) bertemu penduduk luar bandar dalam menjayakan program kerjasama dengan (ECERDC) bagi pelaksanaan program pembangunan modal insan dan motivasi.

Penubuhan Persatuan Wanita Universiti Malaysia Pahang (Matahari) dilihat bertepatan dengan usaha proaktif kaum hawa dalam mencurahkan bakti dan menggembungkan tenaga untuk menghasilkan inisiatif-inisiatif yang dapat dimanfaatkan masyarakat setempat dalam aktiviti profesional, amal dan kebajikan khususnya masyarakat negri Pahang.

Menurut Presiden Persatuan Matahari, Profesor Madya Dr. Mimi Sakinah Abdul Munaim, persatuan giat menggembungkan tenaga menyediakan kemudahan yang boleh dimanfaatkan kalangan warga Universiti Malaysia Pahang (UMP) meliputi aspek kebajikan, perkhidmatan pendidikan, kelengkapan pusat jagaan anak-anak, program ilmiah, akademik dan kesukarelawanan menerusi jawatankuasa yang ditubuhkan demi kecemerlangan persatuan.

"Barisan jawatankuasa yang dilantik sentiasa berusaha mencurahkan idea dan komited dalam usaha menambah dana pendapatan, antaranya mewujudkan inkubator bagi menjalankan perniagaan kafeteria menjual makanan barat, kedai roti, menjual air minuman, dan kemudahan rumah tamu Matahari Inn."

"Usaha ini bukan sahaja bermatlamatkan perniagaan malah membantu universiti meningkatkan kemudahan khususnya untuk mahasiswa dan warga kerja UMP sendiri," katanya.

Begitu juga usaha Matahari dalam membangunkan kemudahan pendidikan

BANTU
MASYARAKAT
DALAM
PELBAGAI
LAPANGAN

awal kanak-kanak di Taska dan Tadika yang terdapat di dalam kampus UMP sebagai suatu kemudahan kepada staf.

Modul pendidikan Taska ini turut dilengkapi dengan modul Permaisuri yang disarankan pihak kerajaan.

Tambah Prof. Madya

Dr. Mimi Sakinah, dalam usaha memasyarakatkan kampus, persatuan turut memperkenalkan Program Baucer Sinaran berbentuk tajaan makan tengahari untuk membantu pelajar yang kurang berkeupayaan.

Selain itu, persatuan turut memperkenalkan Hadiah Sri Rendah Matahari yang menghakuskam pelajar wanita yang cemerlang akademik dan kokurikulum dalam Majlis Konvokesyen UMP.

BINA MASYARAKAT MAMPAAN

Sementara itu, Penasihat Persatuan Matahari, Datin Fazia Ali pula menjelaskan, peranan persatuan ini dalam membantu membina masyarakat yang mampan tidak boleh dipandang remeh dan mengharapkan Matahari akan terus mekar dan bersinar dalam memberikan sumbangan kepada masyarakat setempat.

Katanya, persatuan giat menjalankan program kerjasama dengan Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) dan Pusat Pengajaran Berterusan & Pembangunan Profesional (CENFED) bagi pelaksanaan program pembangunan modal insan melibatkan program Empower Ecer Mahkota Kuala Pahang; Sinar ECER untuk anak-anak Agropolitan Pekan; latihan motivasi

untuk peserta Agropolitan di Runchang, Lepar dan Tanjung Batu.

Begitu juga program Kelas Masakan 1Malaysia yang disertai komuniti wanita yang terdiri daripada isteri-isteri nelayan sekitar Kuala Pahang yang kini berjaya membuka perniagaan malah membangunkan ekonomi keluarga dan masyarakat setempat.

Dalam menggiatkan aktiviti kesukarelawanan, persatuan juga sentiasa berusaha membantu anak-anak yatim, rumah orang-orang tua serta membantu ibu-ibu tunggal dalam program celik teknologi maklumat (IT) dan keusahawanan.

Persatuan juga menghulurkan sumbangan kepada marga banjar bukan sahaja untuk warga universiti malah penduduk sekitar Kuantan.

Dalam memperkasakan program keusahawanan, Persatuan Matahari berjaya menjalankan hubungan dua hala dengan Centre of Entrepreneurship Learning Judge Business School Cambridge.

Menyedari peranan wanita dalam pembangunan negara, persatuan turut menganjurkan Persidangan dan Pameran Antarabangsa Jurutera Wanita (ICEWE) bagi menyediakan ruang perbincangan, perkongsian dan percambahan idea serta keakraban kalangan wanita.

INFO (i)

Tarikh Penubuhan : 3 Disember 2009
Nama Matahari : Sempena nama bunga Matahari yang menampilkan imej mekar, bersinar dan berseri.
Tagline: Matahari Bersinar UMP Berseri
Penaung Persatuan : Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Tengku Puan Pahang Tengku Hajah Azizah Aminah Maimunah Iskandariah Binti Almarhum Sultan Iskandar Al-haj

Matlamat penubuhan:

- Menggerakkan perhubungan muhibah dan menyatupadukan kaitangan wanita di semua peringkat perkhidmatan dan isteri kaitangan.
- Memupuk dan meluaskan fahaman kalangan kaitangan wanita dan isteri kaitangan tentang peranan dan tanggungjawab terhadap pembangunan negara.
- Menggalakkan kesedaran kalangan kaitangan wanita dan isteri tentang hak-hak mereka sebagai wanita.
- Menggalakkan kegiatan-kegiatan dan gerakan yang manfaat dalam bidang-bidang ekonomi, budaya, sukan, pendidikan, kebajikan, sosial dan kerohanian.
- Menggalakkan kegiatan-kegiatan yang menuju ke arah pendidikan dan kebajikan serta taraf wanita dan kanak-kanak Malaysia.
- Mengadakan satu saluran hubungan yang diiktiraf serta perhubungan yang erat di antara ahli-ahli pertubuhan dengan UMP, badan-badan luar yang lain serta masyarakat umum bagi memupuk semangat persefahaman dan menambahkan pengetahuan.
- www.facebook.com/Persatuan Wanita UMP-Matahari